

Konseptual kualiti hidup dalam konteks golongan pesara di Malaysia

ABSTRAK

Kualiti hidup membawa makna yang lebih kompleks dalam menjelaskan konteks status hidup individu sama ada mereka berpuas hati dan gembira dengan keadaan hidup mereka atau pun tidak. Fenomena kualiti hidup dapat diukur dengan melihat kepada indikator dalam pelbagai aspek sama ada secara monetary ataupun non-monetary. Kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti apakah makna kualiti hidup dalam konteks golongan pesara di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga dilakukan adalah untuk melihat apakah indikator yang mempengaruhi kualiti hidup khususnya pesara di Malaysia. Bagi mencapai objektif kajian ini, kaedah kualitatif digunakan khususnya menggarapkan sumber-sumber bacaan dari kajian lepas. Sumber tersebut disaring menerusi capaian Scopus. Dapatan utama bagi kajian ini mendapati bahawa terdapat pelbagai indikator yang mempengaruhi kualiti hidup pesara di Malaysia dan dapat dipecahkan kepada dua kategori iaitu monetary yang terdiri daripada indikator ekonomi, dan kediaman. Manakala non-monetary pula terdiri daripada indikator sokongan sosial, kesihatan dan kehidupan keluarga. Maka, kajian ini akan menganalisis dan menghuraikan konseptual kualiti hidup golongan pesara di Malaysia secara lebih kompherensif menerusi penelitian ke atas dasar negara, serta melihat perbandingannya secara ringkas dengan negara-negara lain.